



INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA

LAPORAN 2019



INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA

Laporan 2019

Hak Cipta Terpelihara ©2019 Institut Masa Depan Malaysia (PPAB-03/2019)

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian daripada bahan cetakan ini atau memindahkannya ke dalam sebarang bentuk melalui sebarang cara, sama ada secara elektronik atau mekanik, termasuk fotokopi, rakaman, atau sebarang bentuk penyimpanan maklumat dan sistem menyalin, sebelum mendapat keizinan bertulis daripada Institut Masa Depan Malaysia.

MENCORAK HALA TUJU NEGARA



KANDUNGAN

1.0 Siapa Kami	i
2.0 Prakata	ii
3.0 Carta Organisasi	2
4.0 Polisi dan Penyelidikan	3
4.1 Khidmat Nasihat kepada Kerajaan	
4.2 Pembangunan Konsep Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030)	
4.3 Program Latihan WKB2030	
4.4 Memo Jemaah Menteri: WKB2030 Sebagai Hala Tuju Negara	
4.5 Pembikinan Buku WKB2030	
4.6 Pelancaran WKB2030	
4.7 Konsultasi RMKe-12 Dengan WKB2030	
5.0 Organisasi dan Pentadbiran	15
5.1 Penubuhan Dan Perancangan Hala Tuju Institut MASA	
5.2 Pemerbadanan Institut Masa Depan Malaysia	
5.3 Majlis Felo	
5.4 Sekretariat Profesional	
5.5 Urus Tadbir Korporat	
6.0 Perancangan Masa Hadapan	22
7.0 MASA Di Kancah Media	23
8.0 Galeri 2019	27

PRAKATA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Institut Masa Depan Malaysia merupakan nama yang diberikan kepada sebuah institusi yang futuristik pada sifat dan kemahuannya, namun realistik dari sudut penyampaian dan peranan yang digalas.

Berbekalkan semangat juang untuk melihat Malaysia terus maju dalam konteks pembangunan yang sebenar, pada Januari 2019 yang lalu, Institut Masa Depan Malaysia ditiupkan ruh oleh para pendiri yang turut merupakan sebahagian daripada arkitek-arkitek utama pembangunan Malaysia.

Umur setahun Institut Masa Depan Malaysia atau lebih dikenal sebagai Institut MASA ini, merupakan tempoh masa yang muda dari segi penubuhannya. Namun demikian, kematangan, pengalaman, dan keteguhan jiwa para pendirinya meresapi Institut yang relatif muda ini untuk menyumbang kepada perancangan dan pelaksanaan sebuah wawasan jangka masa panjang Malaysia, iaitu Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030).

Pelancaran WKB2030 pada bulan Oktober 2019 adalah menifestasi awal kejayaan penubuhan Institut MASA. Usaha dan komitmen Institut MASA dalam pembentukan konsep dan hala tuju WKB2030 tidak terhenti setakat penyediaan kertas konsep sahaja.

Institut MASA sekali lagi diberikan amanah besar untuk terlibat secara serius dalam memastikan WKB2030 dapat dilaksanakan menerusi Rancangan Malaysia Ke-12.

Bahkan, Institut MASA turut diberikan kepercayaan berterusan dalam aspek penyampaian dan pelaksanaan program-program kesedaran WKB2030 yang akan melibatkan semua kelompok masyarakat Malaysia.

Bagi menjayakan hasrat dan mandat penting itu, pasukan penyelidik dan komunikasi strategik Institut MASA perlu memastikan kerjasama yang erat dengan kumpulan-kumpulan pakar, agensi-agensi dan

para penjawat awam, masyarakat madani, para pemimpin akar umbi setiap sektor ekonomi dan sosial, pimpinan belia serta pihak-pihak berkepentingan untuk sama-sama terlibat dalam proses penajajaran RMKe-12 dengan WKB2030.

Dalam masa yang sama, proses penyampaian dan pelaksanaan program-program kesedaran telah dirangka.

Institut MASA, sebagai sebuah institusi penyelidikan sosio-ekonomi berpotensi dan berperanan untuk bergerak lebih jauh. Hal ini semestinya memerlukan komitmen yang kuat dan berterusan daripada para pendiri dan penggerak Institut MASA yang telah sama-sama bertungkus-lumus sejak awal penubuhan sehingga ke hari ini.

Akhir kata, saya mengharapkan agar Institut MASA akan terus rancak berpencak di medan polisi dan dasar dengan mengangkat dan mengemukakan suara-suara akar umbi beserta cadangan-cadangan yang bernas kepada para pembuat polisi dan dasar negara untuk memastikan matlamat penubuhannya kekal relevan dan impaknya dapat dirasai oleh masyarakat akar umbi.

Sekian.

YBrs. Sdr. Mohd Nizam Mahshar
Ketua Pegawai Eksekutif



SIAPA KAMI

Institut Masa Depan Malaysia (Institut MASA) merupakan sebuah badan pemikir bebas yang ditubuhkan pada Januari 2019. Sejak awal penubuhan, Institut MASA telah memberi tumpuan dalam pembentukan dan pembangunan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030).

Atas kepercayaan dan amanah yang telah diberikan, sekumpulan penyelidik telah bersama-sama membantu dalam pendaftaran dan penubuhan Institut MASA. Pada masa yang sama, gerak kerja pembentukan dan pembangunan konsep WKB2030 diteruskan melibatkan jaringan pelbagai pihak berkepentingan ke arah penetapan satu hala tuju baharu negara.



OBJEKTIF

INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA


- 1

MEMANTAU & MENGANALISA
Memantau dan menganalisa situasi dan data ekonomi perniagaan industri dan indikator sosial untuk Malaysia dan khususnya Bumiputera serta keberkesanan penghasilan institusi dan polisi.
- 2


MENASIHATI DAN MEMUDAHCARA
Menasihati bekerjasama dan memudahkan langkah penyelesaian inisiatif dan polisi berkait perkara perkara ekonomi dan sosial untuk Malaysia dan khususnya Bumiputera bersama pihak pihak berkepentingan kepada kepimpinan organisasi dan rakyat pada peringkat antarabangsa serantau dan nasional.
- 3

MENGSEMBELING DAN MENGERAKKAN
Menggembeling dan menggerakkan segala sumber upaya jaringan dan pelbagai inisiatif bagi menjayakan matlamat kemakmuran bersama dan penambahbaikan status serta masa depan Malaysia dan Bumiputera khususnya.

CARTA ORGANISASI



POLISI & PENYELIDIKAN



PEMBANGUNAN KONSEP WKB 2030

Pembentukan konsep asas WKB2030 oleh Institut MASA telah bermula sejak September 2018 bagi membantu kerajaan dalam menetapkan satu hala tuju baharu kepada negara.

Wawasan ini dirangka dan disasarkan ke arah kemakmuran bersama seluruh rakyat di negara ini tanpa mengira bangsa dan agama selain untuk meningkatkan status dan masa depan Malaysia dan juga Bumiputera.

Pada 18 Oktober 2018, YAB Perdana Menteri telah memperkenalkan WKB2030 kepada rakyat Malaysia dalam satu ucapan Kajian Semula Pelaksanaan Separuh Terma RMK-11.

Institut MASA juga telah melaksanakan beberapa siri perbincangan melalui Kumpulan Fokus bagi mendapatkan input, maklum balas dan persetujuan mengenai kebolehlaksanaan WKB2030 dan telah memainkan peranan strategik dalam penyusunan konsep, pengembangan dan pelaksanaan WKB2030.



Wawasan ini dirangka dan disasarkan ke arah kemakmuran bersama seluruh rakyat di negara ini tanpa mengira bangsa dan agama selain untuk meningkatkan status dan masa depan Malaysia dan juga Bumiputera.



AKTIVITI & PENCAPAIAN UTAMA

Pencapaian Institut MASA dalam pembangunan konsep WKB2030 terangkum dalam perkara-perkara berikut;

1. Gerak Kerja Penyelidikan

Gerak kerja penyelidikan, pembangunan dan pembentukan bagi konsep WKB2030 telah melalui beberapa fasa dalam menyediakan data-data yang komprehensif dan sahih sebagai latar asas kepada WKB2030. Bermula dengan pengumpulan data, pengesahan dengan pihak pembuat dasar dan pemain industri sehinggalah tercetus idea penubuhan Institut MASA pada akhir 2018.

2. Konsultasi Khas Bersama Perdana Menteri

Konsultasi antara Institut MASA dengan YAB Perdana Menteri telah dijalankan sekurang-kurangnya sekali pada setiap bulan sejak September 2018 sehingga 2019 bagi memaklumkan status gerak kerja pembangunan konsep WKB2030.

3. Focus Group Discussion (FGD) dan konsultasi

Terdapat beberapa siri FGD dan konsultasi melibatkan semua peringkat kepimpinan negara sedia ada, pembuat dasar, pemain industri, pihak persendirian, pakar ekonomi dan akademik, pemimpin belia, NGO-NGO ekonomi dan sosial, telah dijalankan sepanjang tahun 2019 untuk membangunkan kertas konsep WKB2030 yang lebih komprehensif.



PERTEMUAN		SIRI FGD & KONSULTASI							
12	Siri Pertemuan Bersama YAB Perdana Menteri	06	Kementerian dan Agensi Utama	100	Pemimpin Negara	60	Profesional Muda	30	NGO Ekonomi Melayu

PROGRAM LATIHAN WKB 2030

PENGENALAN

WKB2030 tidak akan berjaya sekiranya hanya difahami oleh segelintir sahaja. Sehubungan itu, beberapa siri latihan (Train-The-Trainer) telah dilaksanakan oleh Institut MASA untuk menyebarkan konsep ini. Program ini dibentuk bagi melahirkan lebih ramai duta atau jurucakap bagi WKB2030. Aktiviti ini juga bagi melatih bakat-bakat baru dan muda untuk mula berbicara tentang WKB2030 dalam kalangan keluarga, rakan-rakan, pertubuhan yang disertai dan masyarakat sekeliling agar lebih mudah difahami dan dipraktikkan dalam kehidupan mereka.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN UTAMA

Institut MASA telah menganjurkan beberapa siri latihan seperti berikut:

- 1. Train-The-Trainer Siri 1, 23 Januari 2019
- 2. Train-The-Trainer Siri 2, 10 Julai 2019
- 3. Train-The-Trainer Siri 3, 24 Julai 2019
- 4. Train-The-Trainer Siri 4, 22 Ogos 2019
- 5. Train-The-Trainer Siri 5, 23 September 2019
- 6. Train-The-Trainer Siri 6, 24 Oktober 2019

Institut MASA juga telah terlibat dalam beberapa siri pocket talk, dialogue series, Focus Group Discussion (FGD), Inter Agency Planning Group (IAPG) dan Technical Working Group (TWG) anjuran pihak luar bagi membentangkan WKB2030.



PROGRAM LATIHAN WKB 2030

06	100	30	30	600
Siri Train-The-Trainer	Peserta	Duta@ Jurucakap WKB 2030	Siri Pembentangan	Pihak berkepentingan

AKTIVITI & PENCAPAIAN UTAMA (samb.)

4. Memperhalusi Konsep WKB2030

Setelah melalui pelbagai perbincangan dan perundingan bersama pihak berkepentingan, usaha berterusan telah dilaksanakan untuk memperkukuh dan memperhalusi idea-idea dalam satu dokumen untuk membangunkan konsep ini.

Idea-idea ini telah melalui fasa maklum balas sebelum digarapkan ke dalam dokumen lengkap untuk dibentangkan kepada YAB Perdana Menteri Malaysia.


5. Siri Wacana Masa Depan

Pada peringkat awal, satu sesi wacana bertajuk: Bicaralah Malaysiaku, telah berlangsung pada 31 Disember 2018 bertempat di Putrajaya International Convention Centre (PICC) bagi mendapatkan lebih input secara terus daripada rakyat. Ia kemudiannya diikuti dengan satu lagi siri wacana pada 2019.

Siri wacana ini telah dijenamakan semula sebagai siri Wacana Masa Depan sebagai medan pertemuan para pemikir, sarjana, pakar, dan pembuat polisi untuk berbincang, berkongsi dan bertukar buah fikiran dan pendapat mengenai situasi semasa hubungan etnik, sosio-ekonomi, perubahan demografi Malaysia, keselamatan, geopolitik, psikologi dan urusan kepimpinan.

5. Penerbitan Awal Institut MASA

Institut MASA telah menerbitkan dua naskhah buku iaitu, Laporan Awal Status Sosio-Ekonomi Bumiputera untuk memberi gambaran situasi sosio-ekonomi semasa yang menjadi kerangka kepada pembikinan buku Konsep Asas WKB2030. Satu buku ringkasan awal WKB2030 juga telah diterbitkan bagi tujuan jaringan dan perhubungan.



SIRI FGD & KONSULTASI

20	30	30	1500	3
NGO Sosial	Pemimpin Belia	Industri & PKS	Peserta	Penerbitan
				1. Laporan Awal Status Sosio-Ekonomi Bumiputera 2. Konsep Asas WKB2030 3. Ringkasan WKB2030

MEMO JEMAAH MENTERI

WKB2030 Sebagai Hala Tuju Baharu Negara

PENGENALAN

Institut MASA sekali lagi diberikan mandat dan kepercayaan oleh Perdana Menteri, YAB Perdana Menteri untuk bersama-sama Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) dalam penyediaan Memo Jemaah Menteri (MJM).

Dalam masa yang sama Institut MASA telah menyerahkan draf MJM untuk bersama-sama diperincikan dan diharmonikan dengan pihak kementerian sebelum dibahas dan dilulus oleh Kabinet. Institut MASA juga diminta untuk menyediakan kerangka WKB2030 bagi meringkaskan dokumen penuh wawasan ini.

Setelah melalui beberapa proses rundingan dan maklum balas, konsep WKB2030 diluluskan dalam Mesyuarat Khas Jemaah Menteri dan kemudian telah diwartakan sebagai satu dasar pada 14 September 2019.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN UTAMA

Institut MASA telah menyediakan dua dokumen utama dan satu slaid pembentangan WKB2030 seperti berikut:

1. Memo Jemaah Menteri bagi WKB2030 sebagai hala tuju baharu negara.
2. Dokumen Kerangka WKB2030.
3. Slaid Pembentangan WKB2030.



PEMBIKINAN BUKU

WKB2030 Sebagai Hala Tuju Baharu Negara

PENGENALAN

Usaha ini diteruskan oleh pasukan penyelidik Institut MASA untuk memperhalusi laporan ini dengan lebih terperinci ke arah membangunkan sebuah buku mengenai WKB2030. Kerja-kerja ini dijalankan melalui perbincangan / rundingan berkala dengan YAB Perdana Menteri, Ahli Lembaga Pemegang Amanah Institut MASA, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA), dan pihak-pihak yang berkepentingan.

Kerja penyuntingan dan terjemahan mengenai WKB2030 telah disiapkan oleh Institut MASA pada suku ketiga 2019. Buku WKB2030 seterusnya dibentangkan kepada MEA untuk usaha pemurnian.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN UTAMA

Kejayaan Institut MASA dalam proses ini adalah seperti tersenarai di bawah:-



17

Inter Agency Planning Group (IAPG), Technical Working Group (TWG) dan Focus Group Discussion (FGD) anjuran pihak kementerian dan agensi kerajaan

300

Pihak berkepentingan terlibat

04

Jawatankuasa Utama (MEA)
i. Jawatankuasa Induk
ii. Jawatankuasa Konsistensi dan Editorial Bahasa Melayu
iii. Jawatankuasa Konsistensi dan Editorial Bahasa Inggeris
iv. Jawatankuasa Percetakan

04

Dokumen Utama
i. Buku WKB2030 versi Bahasa Melayu
ii. Buku WKB2030 versi Bahasa Inggeris
iii. Buku Ringkasan WKB2030 versi Bahasa Melayu
iv. Buku Ringkasan WKB2030 versi Bahasa Inggeris

SIRI FGD & KONSULTASI

02

Dokumen Utama WKB2030

01

Slaid Pembentangan WKB 2030

PELANCARAN WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030

PENGENALAN

Setelah konsep WKB2030 diwartakan pada 14 September 2019, satu majlis pelancaran telah dirancang oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA).

Pihak MEA dengan kerjasama Institut MASA telah terlibat secara langsung dalam penganjuran pelancaran WKB2030. Institut MASA telah memainkan peranan penting menerusi lima jawatankuasa utama bagi menjayakan pelancaran bersejarah ini.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN UTAMA

Pelancaran WKB2030 oleh YAB Perdana Menteri, telah berjaya disempurnakan pada 5 Oktober 2019 bertempat di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur. Majlis pelancaran turut dihadiri YAB Timbalan Perdana Menteri, YB Menteri MEA, YB Menteri KDN (selaku Pengerusi Institut MASA), YB menteri-menteri dari kementerian lain, penjawat awam tertinggi, para akademik, pemain industri, dan NGO ekonomi dan sosial.



PELANCARAN WKB 2030

3000

pihak berkepentingan terlibat

05

- Jawatankuasa Utama (MEA)
- Jawatankuasa Induk
 - Jawatankuasa Video/ Gimik Pelancaran /MC/Stage Manager (VGMS)
 - Jawatankuasa Jemputan dan Pendaftaran
 - Jawatankuasa Teks Ucapan
 - Jawatankuasa Percetakan



KONSULTASI

RMK 12 Dengan WKB2030

PENGENALAN

WKB2030 merupakan hala tuju ekonomi negara bagi tempoh 10 tahun bermula 2021-2030. Ia adalah kelangsungan kepada Wawasan 2020, di mana WKB2030 akan mengambil kira situasi semasa dan jangkaan keadaan yang berlaku dalam tempoh 10 tahun akan datang.

WKB2030 akan menjadi titik permulaan supaya ia dapat dilaksanakan sepenuhnya dalam Rancangan Malaysia Ke-12 dan Rancangan Malaysia Ke-13.

Sehubungan itu, pasukan penyelidik Institut MASA dengan kerjasama kumpulan pakar dan pihak berkepentingan telah memulakan usaha penjajaran RMKe-12 dengan WKB2030.



Kertas Strategik RMKe-12 dengan WKB2030

1.	Advancing The Public Service Efficiency Agenda Through Outcome Driven Government
2.	Amplifying Greater Governance Towards Efficient Services
3.	Reforming Public Private Partnership Policy and Governance
4.	Fostering National Unity in Diversity
5.	Strengthening Inclusivity Towards Achieving Decent Standard of Living
6.	Achieving Equitable Outcome for Sustainable Bumiputera Prosperity
7.	Silver Tsunami : Preparing Malaysia Towards an Aged Nation by 2030
8.	Invigorating Healthcare Towards Progressive Nation
9.	Ensuring a Safe, Secure and Peaceful Nation
10.	Transforming Rural Areas to Bridge Development Gap
11.	Providing Affordable Housing for All
12.	Sports as Catalyst for Active Nation and Fostering Unity
13.	Climate and Resilient Development for Environmental Sustainability
14.	Sustainable Management of Natural Capital
15.	Water Sector Transformation: Accelerate Implementation of Integrated Water Resources Management
16.	Sustainable Energy to Support Growth
17.	Driving Modernisation in Agro-food

KONSULTASI

RMK 12 Dengan WKB2030

Kertas Strategik RMK-12 dengan WKB2030

1.	Delivering Economic and Social Prosperity through Agri-Commodity
2.	Manufacturing the Future
3.	Energizing STI Towards Wealth Creation
4.	Aerospace Industry: Cruising Into a Complete Ecosystem
5.	Delivering Innovation in Services Sector
6.	Re-energizing the Tourism Industry
7.	Maximizing the Potential of the Creative Industry
8.	Digitalizing Malaysian Economy
9.	Making Connection : Seamless Transport and Logistic System
10.	Progressing Towards Sustainable Cities
11.	Enhancing Education System
12.	Vibrant Higher Education
13.	Strengthening Technical and Vocational Education and Training (TVET) to Produced Industry Talent
14.	Realigning Labour Market for Inclusive and Sustainable Growth
15.	Towards Entrepreneurial Nation
16.	Diversifying the Economic Base : Focusing on Specific Economic Clusters Across New Growth Nodes
17.	Reinvigorating ASEAN Subregional Cooperation for Better Regional Development
18.	Reinforcing Halal Ecosystem for Global Competitiveness

Tajuk Kertas Strategi WKB2030

1.	Decent Standard of Living for the Nation and Localities
2.	Strengthening and Improving Poverty Measurement
3.	Investment
4.	Review and Strengthen Issues of Affordable Housing in Malaysia
5.	Evaluate, Strengthen and Construct Bumiputera Supply
6.	Strengthening the Mapping of Economic Hotspots
7.	Shared Prosperity Vision 2030 for Sarawak & Sabah
8.	Democratization of Labour in IR 4.0
9.	Maximizing the Potential of Social Enterprise
10.	Women in Shared Prosperity - When She Rises, We All Rise
11.	Realigning the Needs of Foreign Labour for Sustainable Growth
12.	Developing a Concept of Nation-Building in Malaysia Context
13.	Social Deficit in Malaysia

ORGANISASI & PENTADBIRAN



PENUBUHAN & PERANCANGAN HALA TUJU INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA (INSTITUT MASA)



Penubuhan dan perancangan hala tuju Institut MASA telah bermula sejak September 2018 iaitu seiring dengan usaha pembentukan dan pembangunan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030). Gerak kerja ini telah dimulakan oleh sekumpulan penyelidik dan sekretariat yang membantu dalam pendaftaran dan penubuhan Institut MASA dengan aspirasi menetapkan satu hala tuju baharu negara.

Pada 2 Januari 2019, satu perbincangan awal berkenaan pengukuhan penetapan hala tuju organisasi telah diadakan bagi memantapkan peranan Institut MASA dalam mengekalkan kerelevanannya sebagai pemandu kepada hala tuju baharu negara.

Perbincangan ini telah dipengerusikan sendiri oleh YB Senator Dr Radzi Jidin, Timbalan Menteri di Kementerian Hal Ehwal Ekonomi merangkap ahli Lembaga Pemegang Amanah, Institut MASA serta dihadiri oleh ahli Lembaga Pemegang Amanah yang lain, beberapa pimpinan anak muda dan sekretariat dilantik.

Satu persetujuan yang telah dicapai adalah pembentukan dan pembangunan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030), di samping program-program latihan dan pembangunan yang berkaitan.

PEMERBADANAN INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA

Penubuhan Institut MASA ditunjangi atas dasar membantu kerajaan membangunkan dan memperkasakan hala tuju negara terutamanya dalam memperkukuhkan dasar dan polisi yang sedang dan bakal direncanakan oleh kerajaan Malaysia, termasuklah kajian-kajian sosio-budaya dan sosio-ekonomi serantau. Institut Masa Depan Malaysia secara rasminya telah diperbadankan pada 22 Januari 2019.

Tiga objektif utama penubuhannya adalah

1. MEMANTAU DAN MENGANALISA

Memantau dan menganalisa situasi dan data ekonomi perniagaan industri dan indikator sosial untuk Malaysia dan khususnya Bumiputera serta keberkesanan penghasilan institusi dan polisi.

2. MENASIHATI DAN MEMUDAHCARA

Menasihati, bekerjasama dan memudahcara langkah penyelesaian inisiatif dan polisi berkait perkara perkara ekonomi dan sosial untuk Malaysia dan khususnya Bumiputera bersama pihak pihak berkepentingan kepada kepimpinan organisasi dan rakyat pada peringkat antarabangsa serantau dan nasional

3. MENGGEMBELING DAN MENGERAKKAN

Menggembeling dan menggerakkan segala sumber upaya jaringan dan pelbagai inisiatif bagi menjayakan matlamat kemakmuran bersama dan penambahbaikan status serta masa depan Malaysia dan Bumiputera khususnya



PENUBUHAN MAJLIS FELO



Majlis Felo telah ditubuhkan pada Januari 2019. Penubuhan Majlis ini bertujuan sebagai badan utama bagi membantu pengurusan Institut MASA dalam memperkukuh dan menyelaras pelaksanaan strategi-strategi dan pelan tindakan berkaitan melalui kerjasama strategik merentasi sektor awam dan swasta agar segala inisiatif yang dirancang dapat dilaksanakan secara holistik dan bersepadu.



Majlis Felo ini dibahagikan kepada 5 jawatan iaitu Felo Kanan, Felo, Felo Muda, Penyelidik Bersekutu/Bersama dan Kumpulan Kerja Bersekutu (Associates).

Majlis Felo ini telah bersidang kali pertama pada 25 Februari 2019 yang dipengerusikan oleh YB Senator Dr Radzi Jidin, Timbalan Menteri di Kementerian Hal Ehwal Ekonomi merangkap ahli Lembaga Pemegang Amanah Institut MASA.



Dalam pertemuan ini para akademik, pemain industri dan persendirian telah menyatakan persetujuan menganggotai Majlis Felo bagi sama-sama membantu Institut MASA memantapkan WKB sebagai satu hala tuju baharu negara.

SEKRETARIAT PROFESIONAL

Salah satu cabang yang menjadi tulang belakang bagi pembentukan sebuah organisasi adalah sekretariat professional. Sebagai sebuah organisasi yang masih muda Institut MASA masih mempunyai ruang dan aspek tertentu yang perlu penambahbaikan bagi memantapkan pembangunan sekretariat professional.

Institut MASA masih meneliti beberapa aspek penting dalam pembangunan sekretariat professional seperti skop kerja, kecekapan kompetensi multi tasking di samping pengalaman sekretariat. Institut MASA juga menekankan pemahaman sekretariat dalam objektif dan aktiviti organisasi supaya organisasi ini dapat bergerak dengan lebih baik. Sehingga Disember 2019 Institut MASA disokong oleh 15 orang kakitangan yang sentiasa menunjukkan komitmen tinggi dalam merencanakan aktiviti dan program dirancang.

Institut MASA juga merancang untuk melaksanakan program Retreat MASA yang melibatkan ahli Lembaga Pemegang Amanah dan warga kerja sekretariat serta penglibatan felo dan associate.



URUS TADBIR KORPORAT

Tadbir urus yang baik merupakan salah satu elemen yang penting dalam pembangunan institusi seperti Institut MASA. Institut MASA telah merangka dan menetapkan satu Tatacara Pengendalian Piawai atau SOP (Standard Operating Procedures) bagi pengurusan bakat, pentadbiran dan kewangan untuk memastikan setiap aktiviti dan pelan tindakan yang dirangka dilaksanakan dengan baik dan lancar.

Setiap implementasi projek dan program yang dijalankan adalah berlandaskan kepada pematuhan yang telah ditetapkan bagi mencapai kekuatan urus tadbir korporat.

Berikut merupakan ringkasan kekuatan pembangunan institusi di bawah Institut MASA:-

- Institut MASA telah merekrut sekretariat yang berpengalaman, berkemahiran dan profesional mengikut keperluan pengkhususan bidang tugas ke arah mewujudkan Secretariat Driven;
- Mewujudkan Tatacara Pengendalian Piawai atau SOP (Standard Operating Procedures) yang lebih sistematik dan teratur;
- Mewujudkan sistem pengurusan Aliran Tunai.
- Mewujudkan sistem dokumentasi yang lebih berkesan;
- Merangka satu sistem Performance Management melibatkan semua peringkat pengurusan
- Hubung jalin yang baik dengan semua pihak berkepentingan; dan
- Penetapan hala tuju yang selari dengan kehendak dan keutamaan pihak pembuat dasar dan Kerajaan semasa.

PERANCANGAN MASA HADAPAN

VISI	Sebuah badan pemikir yang terulung untuk polisi ekonomi dan sosial.		
MISI	Menjadi antara 10 badan pemikir terkemuka di rantau ini.		
PENCAPAIAN AKHIR	1. Kejayaan Penerapan dan Pelaksanaan Cadangan Dasar Nasional 2. Titik Pemulaan kepada Advokasi Dasar Serantau 3. Badan Pemikir yang dihormati dan lestari 4. Peneraju Pemikir Dalam Ekonomi Distributif, Pertumbuhan Mampan dan Pembinaan Negara		
TERAS STRATEGI	POLISI PENYELIDIKAN	ANALISIS DATA	PENDIDIKAN, LATIHAN DAN ADVOKASI
INISIATIF	Kajian WKB2030 Program Felo Focus Group Discussion Geran Penyelidikan Antara Disiplin Penerbitan	Trends & Foresight Bank Data Kolaborasi Dan Jaringan Strategik Penerbitan	PEMACU Sesi TOT WKB2030 Persidangan WKB2030 Pelan Komunikasi WKB2030 Penglibatan dalam persidangan serantau atau antarabangsa
PENDOKONG	PENGURUSAN PIHAK BERKEPENTINGAN DAN KEILMUAN Perpustakaan, Pangkalan Data, Perhubungan dan Jangkauan, Sesi Perkongsian Ilmu		
	KOMUNIKASI DAN MEDIA Penjenamaan Korporat & Komunikasi Pemasaran Bersepadu		
	PENGURUSAN PROJEK Implimentasi, Pemantauan, Kajian Impak		

MASA DI KANCAH MEDIA



MASA dalam Kancah Media

Sepanjang tempoh 2019, Institut MASA memberikan fokus kepada penyelidikan dalam membantu kerajaan dalam menetapkan satu hala tuju baharu negara.

Usaha ini diperkukuhkan dengan jaringan dan konsultasi serta penerangan kepada semua pihak berkepentingan melalui semua medium komunikasi sama ada media cetak atau digital bagi menyampaikan hasrat dan aspirasi kerajaan.



GALERI GAMBAR









INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA

**192, Jalan Ara, Bukit Bandaraya,
59100 Kuala Lumpur.**

Tel: 03 2202 3232

Faks : 03 2202 3442

www.institutmasa.com

Email: info@institutmasa.com